

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	19/09/2017

## PROSEDUR KERJA PEDAGANG MATA WANG ASING BAGI PIHAK PENGURUSAN BNM

- 1 Terima arahan daripada Ketua Pedagang Mata Wang Asing BNM atau Tan Sri Nor Mohamed Yakcop untuk membeli wang asing.
- 2 Hubungi counter porties (rakan niaga) sama ada di Singapura, Tokyo, Sydney, London atau New York untuk tujuan melaksanakan transaksi sebagaimana diarahkan.
- 3 Berurusan dengan rakan niaga yang dapat memberi harga terbaik. Semua urusan jual beli adalah berdasarkan mata wang asing dan tidak melibatkan Ringgit Malaysia.
- 4 Pengesahan urus niaga akan dihantar oleh rakan niaga menggunakan telex kepada pedagang mata wang asing BNM berkenaan.
- 5 Catatkan urus niaga dalam satu rekod dipanggil blotter yang mengandungi maklumat tarikh transaksi, value date (tarikh urus niaga diselesaikan), rakan niaga dan jumlah. Maklumat blotter kemudian dimasukkan dalam sistem dipanggil TANTUS.
- 6 Sistem TANTUS akan mengeluarkan dokumen yang dipanggil dealing chit dalam beberapa salinan. Satu salinannya bersama telex pengesahan dihantar ke Jabatan Akaun bagi tujuan pemprosesan dan penyelesaian. Satu salinan disimpan di Seksyen Forex.
- 7 Lanjutan (roll over) terhadap value date sesuatu urus niaga hanya dilakukan dengan arahan Ketua Pedagang atau Tan Sri Nor Mohamed Yakcop. Kadar ditetapkan selalunya pada kadar pasaran.

## Anwar cuma lapor kerugian RM5b – Dr. M

UM-19/9/2017 Pg.7

**PUTRAJAYA 18 Sept.** – Tun Dr. Mahathir Mohamad memberitahu, beliau tidak mengetahui jumlah kerugian sebenar yang dialami Bank Negara Malaysia (BNM) akibat urus niaga mata wang asing ketika memegang jawatan Perdana Menteri.

Pengerusi Pakatan Harapan yang diketuai DAP itu berkata, dalam pertemuan dengan bekas Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan bekas Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Clifford Francis Herbert di Pejabat Perdana Menteri pada lewat 1993, nilai kerugian yang dilaporkan secara lisan adalah sekitar RM5 bilion.

Beliau juga tidak dapat ingat sama ada nilai kerugian RM30 bilion disebut dalam pertemuan itu.

"Ini adalah kerana apabila ianya dimaklumkan kepada saya, saya sudah pun tahu bahawa kerugian urus niaga mata wang asing BNM pada tahun 1992 adalah RM5.7 bilion seperti yang telah sebelum itu dimaklumkan kepada Kabinet oleh Anwar.

"Apa yang saya pasti adalah tidak ada mana-mana dokumen bertulis yang ditunjukkan atau diberikan kepada saya berkaitan perkara ini," katanya ketika memberi keterangan sebagai saksi ke-24 dalam prosiding pendengaran di hadapan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) untuk menyiasat kerugian akibat urus niaga mata wang asing oleh BNM sekitar tahun 1990-an di Mahkamah Rayuan 6, Istana Kehakiman di sini hari ini.

Dr. Mahathir menambah, beliau tidak dapat mengingati sama ada pernah mengungkapkan *sometimes we make profit and sometimes we make losses* (kadang-kadang kita untung, kadang-kadang kita rugi) dalam pertemuan berkenaan seperti yang didakwa oleh Clifford dalam prosiding RCI sebelum ini.



**MAHATHIR MOHAMAD**

Beliau yang juga Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) berkata, apabila Anwar dan Clifford memaklumkan tentang kerugian pada 1992 dan dengan pengetahuannya tentang keuntungan pada 1980-an, ungkapan begitu tidak dianggap pelik untuk dinyatakan.

"Namun, apa yang pasti adalah, sekiranya saya berkata seperti itu, ianya meyakinkan kepada saya bahawa tiada jumlah kerugian sebanyak RM30 bilion disebut kepada saya pada masa itu.

"Ini adalah kerana jika angka yang disebut adalah RM30 bilion, adalah mustahil saya akan berkata seperti itu," jelasnya.

Sementara itu, pegawai pengendali RCI, Datuk Suhaimi Ibrahim mempersoalkan mengapakah Dr. Mahathir yang mempunyai reputasi sebagai seorang tokoh yang sangat teliti dalam menguruskan pentadbiran negara boleh terlepas pandang terhadap kerugian yang dialami BNM tersebut.

Dr. Mahathir menjawab, beliau cuma seorang manusia biasa yang tidak sempurna.

"Walaupun saya seorang yang amat teliti, mungkin ada benda yang terlepas daripada pengetahuan saya," katanya.